

Memastikan industri batik terus berdaya saing

B-4 08/04/08 M/s 9

Oleh Wan Faizal Ismayatim

HATI tercuit, mata terpesona sambil senyuman tidak lekang terukir di bibir ketika melihat kelincahan sekumpulan murid Sekolah Kebangsaan Zainab, Kota Bharu, Kelantan, menggayakan koleksi busana bermotifkan batik kontemporari.

Dengan selamba, kanak-kanak comel berkenaan tampil menggayakan rekaan kontemporari dalam corak penuh batik seperti jalur halus, lingkaran, flora dan abstrak selain warna kontra yang menaikkan seri busana.

Pertunjukan fesyen itu sempena Program Penggunaan Piawaian Batik Malaysia di Kraftangan Malaysia cawangan Kelantan, di Kota Bharu, baru-baru ini.

Tidak dinafikan, batik Malaysia semakin mendapat pengiktirafan pada peringkat antarabangsa melalui promosi luar negara oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan seperti di London, Singapura dan Brunei.

Malah, keunikan seni batik turut menarik perhatian pembekal dan pengeluar pakaian dari kota fesyen terkemuka dunia, Paris yang menjemput Malaysia memperagakan batik pada pertunjukan fesyen antarabangsa di negara itu.

luruhan 841,187 penjawat awam dalam pelbagai sektor membeli baju batik tahun ini, dengan senang nilai pengeluarannya mampu mencecah sehingga RM63 juta.

Jumlah itu sudah semestinya tidak termasuk kenaikan mendadak harga batik di pasaran, termasuk Pasar Siti Khadijah serta butik eksklusif di seluruh negara khususnya Kuala Lumpur seperti rungutan penjawat awam ketika ini.

Anggaran nilai jualan batik itu turut dilakukan berasaskan kepada jangkaan pembelian batik oleh anggota kerja perkhidmatan awam tidak beruniform dengan perkiraan sehelai baju batik dijual pada harga RM150.

Namun, di sebalik batik Malaysia semakin dikenali pada persada antarabangsa, ia tetap berdepan pelbagai risiko khususnya persaingan dari China, selain kos pengeluaran yang meningkat berikutan bahan asas bagi pembuatan batik seperti kain putih, sutera dan kain kapas masih bergantung kepada import dari China dan India.

Dijangkakan, dalam tempoh lima tahun akan datang, jualan batik Malaysia menghadapi saingan sengit China yang ketika ini membelanjakan RM500 juta bagi mengeluarkan batik yang motif rekaannya sama dengan negara ini yang dijual pada harga lebih murah.

Malah, langkah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan sebelum ini mewujudkan Stok Penimbal terhadap tekstil bagi pembuatan batik yang diimport dalam usaha mengurangkan kos pengeluaran batik tempatan juga dilihat satu lagi usaha yang mampu melonjakkan industri batik tempatan.

Menerusi Stok Penimbal yang akan diwujudkan, Kraftangan Malaysia akan mengkaji bagaimana tekstil boleh dikeluarkan pada peringkat tempatan atau diimport dan dijual kepada pengusaha lebih murah berbanding pihak lain.

Ia mampu mengurangkan kebergantungan pengusaha terhadap import tekstil yang mahal sehingga mempengaruhi harga pasaran batik di negara ini. Dianggarkan, ketika ini antara RM28 juta hingga RM52 juta setahun dibelanjakan pengimport kecil tempatan untuk membawa masuk kain putih, sutera dan kain kapas dari China dan India.

Dalam menentukan standard batik Malaysia, kementerian itu melancarkan piawaian batik Malaysia mengikut Piawaian Batik MS 692:2006 Kraftangan Batik Malaysia yang dikeluarkan Jabatan Standard Malaysia dengan kerjasama Sirim dan Kraftangan Malaysia bagi menggantikan MS 692:1981 Specification For Handicrafted Batik (1981).

Dokumen piawaian MS 692:2006 dikeluar-

kan dalam bahasa Inggeris manakala dokumen berbahasa Melayu disiapkan dalam tempoh terdekat dan ketika ini agensi yang mengeluarkan pengesahan piawaian batik dipertanggungjawabkan kepada Sirim.

Kraftangan Malaysia cawangan Kelantan turut menguji penggunaan peralatan makmal yang baru dibeli termasuk melatih anggota kerja bagi menjalankan ujian mutu dan aktiviti pengesahan piawaian ke atas batik pengusaha oleh Kraftangan Malaysia akan dimulakan bulan ini.

Ia sekali gus mampu membezakan kualiti batik Malaysia berbanding pesaing lain termasuk China dan Indonesia selain menetapkan standard batik sebenar yang menjadi pertikaian sesetengah pihak atas dakwaan batik yang banyak digunakan ketika ini sekadar tekstil biasa dan bukan batik sebenar.

Mengikut definisi Kraftangan Malaysia, batik merujuk kepada proses melukis, mencetak, mewarna, mencelup fabrik menggunakan halangan fizikal ke atas fabrik, terutama lilin untuk mengelak bahagian yang diaplikasikan lilin daripada diresapi warna dan kemudian meluruskan lilin untuk menampilkan coraknya.

Selain itu, ciri utama batik ialah kejelasan warna dan corak yang sama pada kedua-dua belah permukaan fabrik.

Justeru, langkah mempelbagaikan rekaman batik kontemporari untuk pelbagai golongan seharusnya disahut dengan positif oleh pengusaha batik tempatan kerana pasaran busana itu sebenarnya sangat luas terbentang buat mereka, sekali gus mampu mengurangkan imej batik sebagai pakaian 'orang kerajaan.'

Ketika ini, seramai 458 pengusaha batik mikro, kecil dan sederhana bergiat aktif di seluruh negara, khususnya di Pantai Timur dengan 304 daripadanya berpusat di Kelantan yang keseluruhannya membabitkan 2,288 guna tenaga dalam industri berkenaan.

Peluang perniagaan dalam industri batik semakin bersemarak apabila Kementerian itu menegaskan akan terus membantu pengusaha termasuk penyediaan subsidi mesin, bantuan kewangan dan pengurangan cukai yang menampakkan kesungguhan kerajaan melonjakkan seni budaya itu ke tahap lebih tinggi.

Pada 2007, nilai pengeluaran batik negara dianggarkan RM96 juta dan pada tahun ini, Kementerian mensasarkan jumlah itu meningkat kepada RM124 juta yang sudah pasti banyak dibantu dasar kerajaan yang mewajibkan kakitangan awam memakai kebaja batik setiap Khamis.

Jika diandaikan separuh daripada kese-



IDENTITI MALAYSIA: Batik tempatan mempunyai keunikan tersendiri.

FAKTA NOMBOR

Industri batik

458

Pengusaha

304

Beroperasi di Kelantan

RM96j

Nilai pengeluaran pada 2007